

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2



MAJLIS "BUILT ENVIRONMENT ENTREPRENEURSHIP DAY" KOMPLEKS TAHIR MAJID, KOLEJ PENGAJIAN ALAM BINA (KAB), UITM SHAH ALAM

MEMACU MINDA KEUSAHAWANAN SISWA

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Selamat sejahtera, Salam UITM di hatiku dan Salam Malaysia
MADANI.

Segala puji-pujian penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah SWT, kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada majlis "BUILT ENVIRONMENT ENTREPRENEURSHIP DAY" atau singkatannya "BE_e Day" pada pagi yang penuh barakah ini.

Saya difahamkan bahawa program ini adalah program berkala yang diadakan oleh Kolej Alam Bina UITM Shah Alam sebagai salah satu mekanisme untuk menyampaikan informasi keusahawanan kepada golongan sasaran secara terus dan efektif. Tahnikah dan terima kasih juga kepada semua AJK Pelaksana Program "BE_e Day" di atas inisiatif merealisasikan program yang amat baik ini dan terima kasih juga kepada hadirin hadirat yang sudi hadir bersama-sama pada hari ini.

Sesungguhnya majlis pada hari ini merupakan platform terbaik bagi kami di Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Serderhana (PKS) serta Keusahawanan Malaysia (MASMED), Universiti Teknologi MARA untuk menegenahkan peranan kami di samping memperkasakan lagi jaringan kerjasama antara Kolej Pengajian Alam Bina, UITM Shah Alam yang telah bersama-sama dengan MASMED dalam menjayakan PIs yang telah diamanahkan.





“

Pengetahuan tentang pemasaran digital, analitik data, dan strategi e-dagang adalah elemen yang signifikan untuk berjaya dalam pasaran global yang pesat berubah.

”

Hadirin yang dihormati,

Kita sedia maklum, keusahawanan memainkan peranan yang semakin penting dalam membentuk landskap ekonomi global, dan kita harus memberikan pemahaman yang jelas kepada siswazah kita agar mereka memperoleh pengetahuan tentang aspek ini. Sebagai permulaan, setiap siswazah perlu memahami bahawa keusahawanan tidak terhad kepada penciptaan perniagaan semata-mata. Ia melibatkan mentaliti baru, daya inovasi, dan kecakapan dalam menangani cabaran, yang mana ketiga-tiga aspek ini bersifat simbiosis antara satu sama lain. Dalam era digital ini, siswazah perlu memahami bagaimana teknologi mempengaruhi cara perniagaan dijalankan, dan bagaimana mereka boleh menggunakan perkembangan teknologi ini untuk memperbaiki proses perniagaan atau mencipta model perniagaan yang baharu. Pengetahuan tentang pemasaran digital, analitik data, dan strategi e-dagang adalah elemen yang signifikan untuk berjaya dalam pasaran global yang pesat berubah. Di sinilah MASMED menjadi tonggak kepada siswazah bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran, dan daya kreativiti untuk berhadapan dengan cabaran keusahawanan yang kompleks.

MASMED berperanan penting dalam merealisasikan misi kemenjadian graduan sebagai usahawan unggul dengan memberi pendedahan luas berkaitan pendidikan keusahawanan di kalangan siswazah dan membuka peluang-peluang kolaborasi bersama pemegang taruh. MASMED sentiasa menerima dengan tangan terbuka mana-mana pihak atau individu yang ingin bekerjasama dari segala aspek yang dapat dimanfaatkan kepada para siswazah mahupun universiti sendiri.



Saya difahamkan juga bahawa hari ini terdapat Modul latihan 'Start-Up Idea Creation' yang akan dikongsikan oleh Milli Express, pertandingan 'Innovation Entrepreneurship Idea Creation Pitching' di kalangan pelajar dan pengoperasian Pasar Rabu di sini. Saya menyeru kepada semua rebutlah peluang ini untuk mendalami ilmu keusahawanan daripada pakar-pakar yang didatangkan khas ini. Jangan sis-siakan masa yang diluangkan bersama kita kerana bukan mudah untuk kita "membeli" masa mereka ini. Sambil-sambil kita menjamu mata dan membeli belah pada hari ini, titipkan komen-komen membina kepada siswazah kita agar mereka dapat mengorak langkah dengan lebih dinamik.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya muliakan,

Sebagai kesimpulan, marilah kita bersama-sama tindakan kepakaran keusahawanan dalam kalangan siswazah kita ini. Dengan ilmu dan pengetahuan yang kukuh, mereka mampu menjadi agen perubahan yang berdaya saing dalam arena global. Saya yakin, dengan semangat keusahawanan yang berkobar, mereka mampu meneroka peluang yang tidak terhingga dan memberi impak

positif dalam komuniti dan dunia perniagaan. Seperti yang dicanangkan oleh Naib Canselor kita, Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, tahun ini adalah tahun untuk kita merealisasikan gagasan "Globally Renowned, Locally Rooted". Justeru itu, saya amat berharap program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dalam menyahut seruan dan saranan negara memartabatkan keusahawanan dalam kalangan warga IPT. Selain itu, saya percaya pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh para akademis dan juga pelajar dalam mengorak pelbagai kejayaan demi melonjakkan nama UiTM di persada dunia. Alhamdulillah dan syabas atas usaha anda semua dan pihak pengurusan Universiti amat menyanjung tinggi dan berterima kasih atas segala usaha yang telah dilaksanakan.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi,

Saya pasti semua pihak telah memberikan yang terbaik ke arah memastikan kececerlangan UiTM supaya sentiasa berada pada tahap yang membanggakan. Semoga sumbangan kita semua akan mendapat keredhaan dari Allah Subhanahu Wataala.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan "BUILT ENVIRONMENT ENTREPRENEURSHIP DAY" atau "BE_e Day". Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS
USAHAWAN**